

# Liong Sik temui karier ketiga mantapkan UTAR

UM - 8 JUL 2003

PUTRAJAYA 7 Julai — Bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik kini telah menemui karier ketiganya iaitu pendidikan selepas menceburi bidang perubatan dan politik sebelum ini.

Beliau yang 17 tahun memegang jawatan dalam Kabinet dan sebagai Presiden MCA, mahu menumpukan usaha bagi memantapkan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

“Agenda baru saya hari ini ialah UTAR. selepas ini saya boleh menumpukan lebih banyak tenaga kepada universiti itu sebagai memenuhi keperluan negara,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis UTAR berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan tugas kepada penggantinya, Datuk Chan Kong Choy di Kementerian Pengangkutan di sini hari ini.

Beliau menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Mei lepas.

Sebelum itu, beliau mengumumkan peletakan jawatan sebagai Presiden MCA pada 23 Mei lepas bersama timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek.

Menurut Liong Sik, sebagai sebuah universiti baru, UTAR boleh dibentuk mengikut pelbagai model yang sesuai.

Beliau juga berharap UTAR akan menjadi pusat pelajar dan menubuhkan sebanyak mungkin fakulti dalam usaha melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai kemahiran.

“Saya mahu UTAR bukan hanya mengeluarkan akauntan, jurutera, doktor atau saintis tetapi juga mengeluarkan graduan mahir dalam pelbagai bidang seperti interpersonal, teknologi maklumat, media dan mampu berkomunikasi dengan baik,” katanya.

Dalam Dada itu, beliau turut melahirkan keyakinan terhadap kemampuan Kong Choy sebagai pemimpin muda yang berkebolehan dan bijaksana untuk menerajui Kementerian Pengangkutan.

Katanya, Kementerian Pengangkutan juga mempunyai kakitangan perkhidmatan awam seperti ketua setiausaha dan timbalannya yang berkebolehan serta sedia membantu.

“Saya yakin kementerian ini akan terus dapat membantu memberikan sumbangan kepada negara, agenda saya telah selesai dan saya serahkan tugas kepada pemimpin yang lebih muda dan berkebolehan,” katanya.

Beliau turut menyuarakan rasa gembiranya kerana telah diberi peluang memberikan sumbangan kepada negara sejak mula dipilih bertanding pada pilihan raya 1974. Sebelum itu beliau ialah seorang pegawai perubatan.

Sementara itu, Kong Choy yang merakamkan penghargaan kepada Liong Sik atas khidmat cemerlangnya selama ini di Kementerian Pengangkutan, berharap akan sentiasa mendapat bantuan dan tunjuk ajar daripada bekas Presiden MCA itu.

Katanya, sebagai bekas menteri paling lama memegang jawatan di Kementerian Pengangkutan, Liong Sik terbukti telah banyak berjasa kepada perkembangan sektor pengangkutan negara.

“Semua ini akan diingati dan kita akan teruskan tugas cemerlang Liong Sik bagi meningkatkan lagi sistem pengangkutan kita.

“Saya rakamkan jutaan terima kasih dan selamat maju jaya dalam karier ketiga membina UTAR,” katanya.

Liong Sik kemudiannya mengambil kesempatan bersalaman dengan warga kerja kementerian itu sebagai tanda perpisahan.